

PANDUAN PENGGUNA APLIKASI MYBLESS

1. PENGENALAN

1.1 Aplikasi Mobile BLESS iaitu MyBLESS terdiri daripada 3 modul utama yang menyediakan kemudahan kepada pengguna (Pegawai Agensi dan Pemohon) seperti berikut:

A. Modul Semakan Pantas

- Kemudahan untuk menyemak maklumat permohonan dan maklumat lesen.

B. Modul Pengumuman

- Kemudahan untuk menyemak pengumuman atau berita-berita semasa berkaitan BLESS.

C. Modul Jadual Latihan

- Kemudahan untuk menyemak maklumat latihan yang dianjurkan kepada pengguna.

1.2 Kesemua modul utama ini terdapat pada Laman Utama Aplikasi MyBLESS.

2. PANDUAN/ LANGKAH MENGGUNAKAN MODUL UTAMA

A. Modul Semakan Pantas

1) Pada paparan Laman Utama Aplikasi MyBLESS, pengguna boleh melakukan carian pada Menu Semakan Pantas melalui pilihan-pilihan berikut :

- i) Carian menggunakan **No. Pendaftaran Organisasi** atau **ID Pemohon** yang didaftarkan di Aplikasi BLESS.
 - *Contoh No. Pendaftaran Organisasi: 123456-U*
 - *Contoh ID Pemohon:*
 - *No. Kad Pengenalan : 810918019899 atau*
 - *Emel : john.doe@mail.com atau*
 - *No. Passport : A123456*

ii) Carian menggunakan **No. Lesen** atau **No. Serahan BLESS (No. BL)** dengan klik pada ikon ▼

- Contoh No. Lesen: 11234-1/09-2021/0001
- Contoh No. Serahan BLESS (No. BL) : BL22021026789

The image shows two screenshots of the MyBLESS 'SEMAKAN PANTAS' search form. The left screenshot shows the form with the 'No. Lesen' field highlighted by a red box, indicating the dropdown arrow. The right screenshot shows the dropdown menu open, with 'No. Serahan BLESS (No. BL)' selected and highlighted by a red box.

2) Kedua-dua ruangan ini adalah **WAJIB** diisi. Kemudian, klik pada butang 

3) Paparan seterusnya menunjukkan perincian berkaitan maklumat permohonan dan maklumat lesen berdasarkan pilihan yang telah dikunci masuk di laman utama.

← Lesen

NAMA LESEN:
Lesen Menjual Alat-Alat Timbang dan Sukat

NO. LESEN:
00123/01

NO. SERAHAN BLESS (NO. BL):
BL2202145678

KATEGORI PEMOHON:
Syarikat

NAMA PEMOHON:
ABC HARDWARE SDN. BHD.

NO. PENDAFTARAN:
123456 -W

JENIS PERMOHONAN:
Baru

STATUS PERMOHONAN:
Selesai Diproses

TARIKH PERMOHONAN DIHANTAR:
02/06/2021

TARIKH KELULUSAN PERMOHONAN:
05/07/2021

STATUS LESEN:
Aktif

TARIKH KUATKUASA LESEN:
22/07/2021

TARIKH LUPUT LESEN:
21/07/2024

TARIKH MAKLUMAT DIKEMASKINI:
22/07/2021

Keterangan berkaitan maklumat yang dipaparkan:

• **Nama Lesen**

Nama Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil yang dimohon melalui Aplikasi BLESS.

• **No. Lesen**

Nombor yang dijana atau diberikan bagi Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil yang dimohon melalui Aplikasi BLESS.

• **No. Serahan BLESS (No. BL)**

Nombor yang dijana secara automatik oleh Aplikasi BLESS bagi setiap permohonan Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil yang dihantar melalui Aplikasi BLESS.

• **Kategori Pemohon**

Jenis pemohon yang dibenarkan untuk memohon Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil melalui Aplikasi BLESS. Kategori pemohon ini terdiri daripada:

- i) Individu;
- ii) Syarikat;
- iii) Perniagaan;
- iv) Pertubuhan;
- v) Koperasi; atau
- vi) Agensi;

- **Nama Pemohon**

Nama berdasarkan Kategori Pemohon yang melaksanakan permohonan Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil melalui Aplikasi BLESS.

- **No. Pendaftaran**

Nombor bagi entiti organisasi yang didaftarkan berdasarkan Kategori Pemohon, yang digunakan untuk melaksanakan permohonan Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil melalui Aplikasi BLESS. Contoh:

- Individu: No. Kad Pengenalan/ Emel/ No. Passport
- Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan/ Koperasi/ Agensi : 123456-W

- **Jenis Permohonan**

Jenis permohonan Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil yang dilakukan melalui Aplikasi BLESS, seperti berikut:

- i. Baru
- ii. Pembaharuan Tanpa Pindaan
- iii. Pembaharuan Dengan Pindaan
- iv. Pindaan
- v. Pembatalan
- vi. Cetakan Lesen

- **Status Permohonan**

Status bagi permohonan Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil yang telah dikemukakan melalui Aplikasi BLESS. Terdapat lapan (8) status permohonan seperti berikut:

| No. | Status Permohonan | Keterangan |
|-----|-------------------------------------|---|
| 1 | Sedang Diproses | Permohonan yang dihantar sedang diproses oleh agensi. |
| 2 | Dibatalkan: Ditolak oleh Agensi | Permohonan yang ditolak/ dibatalkan oleh agensi pada peringkat awal permohonan. |
| 3 | Dibatalkan: Permintaan dari Pemohon | Permohonan pembatalan yang dibuat oleh pemohon. |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | <i>Request to Amend/ Request Feedback</i> | Pegawai pemroses agensi memohon pindaan/ maklumbalas daripada pemohon. |
| 5 | KIV Permohonan | Proses permohonan telah ditangguhkan oleh agensi. |
| 6 | Selesai Diproses | Permohonan yang dihantar telah selesai diproses agensi. |
| 7 | Ditolak | Permohonan yang dihantar telah ditolak oleh agensi di peringkat akhir kelulusan permohonan. |
| 8 | Diluluskan | Permohonan yang dihantar telah diluluskan oleh pegawai pelulus di agensi. |

- **Tarikh Permohonan Dihantar**

Tarikh pemohon menghantar permohonan melalui Aplikasi BLESS.

- **Tarikh Kelulusan Permohonan**

Tarikh permohonan diluluskan oleh agensi.

- **Status Lesen**

Status bagi Lesen/ Permit/ Kelulusan/ Sijil yang telah dikeluarkan. Terdapat empat (4) status lesen seperti berikut:

| No. | Status Lesen | Keterangan |
|-----|-----------------|--|
| 1 | Aktif | Lesen berada dalam tempoh kuatkuasa. |
| 2 | Tamat Tempoh | Lesen telah melebihi tempoh kuatkuasa. |
| 3 | Sedang Diproses | Lesen sedang diproses oleh agensi. |
| 4 | Dibatalkan | Lesen telah dibatalkan oleh agensi. |

- **Tarikh Kuatkuasa Lesen**

Tarikh lesen mula berkuatkuasa.

- **Tarikh Luput Lesen**

Tarikh tamat tempoh lesen.

- **Tarikh Maklumat Dikemaskini**


Tarikh terkini berdasarkan tindakan oleh agensi.

B. Modul Pengumuman


- 1) Paparan pengumuman adalah pada Laman Utama Aplikasi MyBLESS. Semakan pengumuman juga boleh dibuat dengan klik pada Papar Semua.



- 2) Setelah klik Papar Semua, pemohon boleh memilih dua (2) bentuk paparan sama ada Senarai atau Grid.




Paparan Senarai



Paparan Grid

- 3) Klik pada mana-mana pengumuman untuk melihat keterangan penuh pengumuman tersebut.




4) Klik pada simbol  untuk kembali ke Laman Utama.



C. Modul Jadual Latihan

1) Untuk melihat senarai latihan yang dianjurkan, klik pada Jadual Latihan pada Laman Utama atau pada *Side Menu*.




- 2) Keterangan berkaitan sesi latihan akan dipaparkan (Tajuk Latihan, Tarikh Latihan dan Status Latihan). Klik pada mana-mana Tajuk Latihan bagi memaparkan maklumat penuh berkaitan latihan tersebut.

| ← Jadual Latihan | | |
|------------------|--|--|
| 1 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) JABATAN ALAM SEKITAR | Dalam Perancangan |
| 2 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) JABATAN KESIHATAN WP KUALA LUMPUR | Dalam Perancangan |
| 3 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) KEMENTERIAN DALAM NEGERI | Dalam Perancangan |
| 4 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) KPDNHEP (ZON UTARA) | Dalam Perancangan |
| 5 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) LEMBAGA KOKO MALAYSIA | Dalam Perancangan |
| 6 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) KPDNHEP IBU PEJABAT | 21st Apr, 2021 (Wed) 900AM - 500PM |
| 7 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA | 25th May, 2021 (Tue) 900AM - 500PM Tunda |
| 8 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS | 9th Jun, 2021 (Wed) 900AM - 500PM Tunda |
| 9 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN | 22nd Jun, 2021 (Tue) 900AM - 500PM Tunda |
| 10 | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) JABATAN ALAM SEKITAR | 28th Jun, 2021 (Mon) - 29th Jun, 2021 (Tue) Tunda |

- 3) Maklumat penuh berkaitan latihan akan dipaparkan seperti berikut:

| ← Jadual Latihan | |
|---------------------------|---|
| Tajuk latihan: | BLESS TRAINING FOR TRAINERS (BTFT) KPDNHEP IBU PEJABAT |
| Penganjur latihan: | BLESS |
| Negeri/Bahagian terlibat: | KPDNHEP Putrajaya |
| Nama Lesen: | Lesen Jualan Langsung |
| Lokasi latihan: | BLESS |
| Modul: | Applicant, Agency Officer (AGO), Agency System Admin (ASA), Agency Licensing Officer (ALO) |
| Tarikh mula latihan: | 21/04/2021 |
| Tarikh tamat latihan: | 21/04/2021 |
| Status latihan: | Telah Laksana |

4) Klik simbol  untuk kembali ke Laman Utama.



D. Menu-Menu Lain Pada Aplikasi MyBLESS

Menu-menu lain serta informasi berkaitan juga boleh didapati pada *Side Menu* Aplikasi MyBLESS.

